

12/08/2002

Dialog bersama PM naikan semangat pelajar UPSI

Syuhada Choo Abdullah

PELAJAR Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bertekad untuk melaksanakan tanggungjawab mendidik pelajar dengan bersungguh-sungguh dan beretika apabila memulakan perkhidmatan sebagai guru di sekolah kelak.

Tinjauan Berita Harian mendapati azam mereka itu semakin menebal selepas mengikuti sesi dialog bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melawat Kampus Sultan Abdul Jalil Shah UPSI, di Tanjung Malim, Sabtu lalu.

Dalam sesi dialog di Auditorium UPSI yang sesak dengan kehadiran lebih 1,000 pelajar serta kakitangan universiti itu, Dr Mahathir menyifatkan tanggungjawab guru sebagai amat berat dan penting untuk mendidik generasi muda dengan ilmu dan nilai akhlak murni.

Dalam ucapan beliau, Dr Mahathir juga menegaskan bahawa guru memainkan peranan besar ke arah membantu kemajuan negara, antaranya dengan membentuk peribadi mulia dan berfikiran waras di kalangan pelajar supaya tidak mudah terpengaruh dengan budaya membenci secara melulu serta tidak berasas yang merugikan.

Pelajar dari Kuala Kangsar yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Perakaunan, Roseiaidawati Abd Raof, 23, berkata amanat Dr Mahathir itu perlu dihayati dan menjadikannya penguat semangat untuk melaksanakan tugas mendidik dengan amanah dan penuh beretika.

Beliau yang bangga dengan kunjungan Perdana Menteri ke UPSI, berkata guru harus berpegang kepada nilai peribadi yang baik ketika menyampaikan pengajaran kepada pelajar dengan sebaik mungkin.

"Pandangan serta pendapat Perdana Menteri memang bernas dan wajar dijadikan panduan serta pendorong kepada semua pelajar di UPSI supaya mencurahkan bakti dengan penuh dedikasi," katanya yang melahirkan sokongan penuh kepada Dr Mahathir.

Pelajar bidang Pendidikan Matematik, Anisah Fariah Mustapha, 22, dari Kelantan juga menyifatkan pandangan dan pendapat Dr Mahathir sebagai amat berkesan dalam membangkitkan kesedaran kepada pelajar UPSI termasuk dirinya.

Katanya, penjelasan berhubung beberapa isu semasa oleh Dr Mahathir, termasuk mengenai penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah, memberikan kefahaman yang lebih baik mengenai kepentingan serta rasional langkah kerajaan itu.

"Jika boleh, saya berharap dapat diadakan perjumpaan sedemikian lagi dengan Perdana Menteri terutama apabila timbul sesuatu isu yang memerlukan penjelasan mendalam daripada pucuk pimpinan kerajaan," katanya.

Pelajar dari Kedah yang mengikuti pengajian Pendidikan Matematik, Abu Hanifah Harun, 25, berkata sebagai bakal guru, intipati ucapan Dr Mahathir wajar digunakan sebagai panduan ke arah melaksanakan tugas dengan cemerlang di sekolah kelak.

"Perdana Menteri jelas seorang yang memikirkan supaya semua golongan, termasuk pelajar, mempunyai matlamat serta wawasan agar dapat menyumbang kepada kecemerlangan negara, lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan," katanya.

Penolong Pendaftar Hal-Ehwal Pelajar UPSI, Yusmin Yusoff, 31, berkata ucapan yang penuh dengan nasihat dan dorongan oleh Dr Mahathir banyak memberi semangat serta kesedaran kepada warga pendidikan melaksanakan tugas dengan amanah dan juga berkesan.

Begitu juga rakan sejawatnya, Musa Jaafar, 35, yang mengakui beliau amat

terharu dan gembira berjumpa dengan Perdana Menteri dan menyifatkan mesej disampaikan oleh Dr Mahathir sebagai tepat serta bijak.

"Banyak idea dan cadangan bernas daripada beliau yang amat bermanfaat, membuka minda serta memberi kesan mendalam kepada kakitangan dan juga pelajar supaya mengamalkan budaya dan nilai hidup positif serta cemerlang," katanya.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Ir Dr Mohammad Noor Salleh, pula berkata sambutan hangat diberikan oleh pelajar terhadap lawatan Dr Mahathir menunjukkan mereka memberi sokongan kepada kerajaan sekali gus menunjukkan semangat bersama pemimpin.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UPSI, Muhamad Dom Ahmad, juga melahirkan sokongan padu pihaknya kepada kepimpinan negara dan berharap kunjungan Dr Mahathir ke UPSI akan membuka lembaran baru yang lebih merencanakan lagi pembangunan universiti berkenaan.